

Headline	Orang sakit wajib berubat		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 May 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	52	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,999



Orang sakit wajib berubat

? **Saya** pengidap virus HIV positif akibat kesilapan sendiri. Kini saya bertaubat dan reda dengan ketentuan ini.

Soalannya, apakah hukum sekiranya saya tidak ingin menjalani rawatan kerana pada masa ini rawatan sedia ada tidak mampu menyembuhkan saya, ia hanya melengahkan kematian saya?

Jika saya meninggal dunia, adakah saya dikira membunuh diri? Dan apakah hukumannya jika mendoakan supaya dipercepatkan kematian kerana tidak tahan sakit?

Hawa
Kuala Lumpur

! **Setiap** manusia yang berdosa wajib bertaubat dari dosanya dan percaya Allah memberi keampunan. Bagi yang sakit pula wajib berubat supaya sihat untuk meneruskan kerja beribadah pada Allah.

Memohon kesihatan dan berusaha menjadi sihat adalah tuntutan. Kenyataan bahawa rawatan tidak menyembuhkan ialah kenyataan orang kecewa dan Allah melarang kita kecewa, firman Allah, "jangan kamu kecewa dengan rahmat Allah".

Tanggungjawab kita ialah berubat dan memberi sembah itu hak Allah dan bukan

hak manusia menentukannya. Sekurang-kurangnya jika sihat sedikit atau lambat mati pun bermakna ada masa lagi memohon ampun, ada ruang lagi untuk beribadat atas dunia ini kerana manusia hanya boleh beribadah atas dunia ini.

Allah menceritakan dalam al Quran, bagaimana mereka sudah mati meminta untuk balik ke dunia walau se-kadar sesaat demi berbuat kebaikan. Oleh itu sedikit ruang diberikan Allah dengan umur yang dipanjangkan, gunakan untuk mem-banyakkan amalan dan ibadat, usah pernah kecewa.